KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO | | | |
| TARIKH | : | 29.06.22 | MUKA SURAT | : | 19 |
| JABATAN | : | PERHILITAN | | | |



## Penduduk panik buaya tembaga 'muncul' dekat pintu air sungai

**Alor Gajah:** Penduduk kampung Gangsa, Durian Tunggal di sini, panik apabila seekor buaya tembaga dikesan naik ke darat dan berkeliaran berhampiran pintu air sungai.

Sebelum ini dua klip video berdurasi 13 dan 16 saat tular memaparkan reptilia berkenaan merangkak di kawasan semak di situ semalam.

> "Jika nampak kehadiran buaya, elakkan provokasi terhadap reptilia itu
> Mohd Firrdhaus

Turut kedengaran suara individu meminta penduduk berhati-hati ketika berada di kawasan berkenaan.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Melaka Mohd Firrdhaus Mahmood bagaimanapun menegaskan kemunculan buaya itu fenomena biasa dan tidak membahayakan orang ramai sekiranya haiwan itu tidak diganggu.

Menurutnya, buaya tembaga berkenaan dipercayai berasal dari Sungai Melaka dan kawasan di luar kolam tadahan air itu juga habitat asal reptilia itu.

"Selain itu anak-anak sungai sekitarnya juga menjadi habitat reptilia itu sejak sekian lama.

"Jika nampak kehadiran buaya, elakkan provokasi terhadap reptilia itu bagi mengelakkan kejadian tidak diingini kerana setakat ini kami tidak menerima laporan kacau ganggu," katanya semalam.

Beliau berkata, setakat petang semalam pegawainya tidak mengesan kehadiran buaya berkenaan hasil pemantauan dilakukan.



SEDUTAN klip video menunjukkan buaya (dalam bulatan) yang merangkak di kawasan semak.